

# GEMINI

## MANFAATKAN GEMINI

Gemini adalah *Artificial Intelligence* (AI) khas dalam MyGovUC yang membantu pengguna meningkatkan kecekapan dan produktiviti dengan memudahkan pengurusan e-mel, komunikasi dan kolaborasi secara profesional.

### Antara fungsi yang boleh manfaatkan:

- Membantu untuk merangka draf, mengembangkan idea atau menambahkan tatabahasa.
- Membantu untuk menulis draf e-mel, membalas e-mel atau memastikan penggunaan bahasa yang sesuai dalam e-mel.
- Membantu untuk mengatur data dalam Google Sheets yang mungkin melibatkan formula atau menganalisis data secara automatik.

### PROMPT BERKESAN UNTUK GEMINI

*Prompt* adalah arahan atau input yang diberikan kepada Gemini untuk mendapatkan respon atau output yang diinginkan. Keberkesanan jawapan Gemini bergantung kepada cara anda menulis *prompt*. *Prompt* yang baik akan menghasilkan output yang lebih tepat.

#### Ciri-Ciri *Prompt* yang efektif:

- JELAS DAN SPESIFIK**  
Nyatakan dengan jelas apa yang anda mahu Gemini lakukan.
- RINGKAS DAN PADAT**  
Gunakan ayat yang padat dan cukup maklumat.
- KONTEKS YANG JELAS**  
Jelaskan maklumat tambahan untuk membantu Gemini memberi jawapan yang tepat.
- TENTUKAN FORMAT JAWAPAN**  
Jika anda mahu jawapan dalam bentuk perenggan atau jadual, nyatakan dengan jelas.

### CONTOH PROMPT YANG EFEKTIF

**EFEKTIF:**  
Senaraikan tiga cara AI dapat membantu penjawat awam meningkatkan kecekapan dalam pengurusan dokumen kerajaan.

---


**KURANG EFEKTIF:**  
Bagaimana AI membantu penjawat awam.

### GEMINI UNTUK GOOGLE DOCS

1. Klik *Help me write*.




2. Masukkan *prompt* dan tekan *Create*.



3. Klik *Sert* sekiranya anda berpuas hati dengan output yang diberikan oleh Gemini. Sekiranya anda ingin mengubah output, masukkan *prompt* yang terbaru di bahagian *'Refine with a prompt'*.




4. Output terakhir akan terpapar di Docs.




1. Klik *Compose*.




2. Klik *Help me write*.



3. Masukkan *prompt* dan tekan *Create*.



4. Klik *Insert*.



### GEMINI UNTUK GMAIL

1. Klik pada ikon Gemini di sebelah kanan atas.



2. Masukkan *prompt* dan tekan enter.




3. Masukkan *prompt* dan tekan enter.




### GEMINI UNTUK GOOGLE SHEETS

1. Klik pada ikon Gemini di sebelah kanan atas.



2. Masukkan *prompt* dan tekan enter.



3. Masukkan *prompt* dan tekan enter.

